

10 JUL 2003

Multaqa-Reaksi/I

PESERTA SOKONG PENEKANAN KEPADA AGAMA, SAINS OLEH PM

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Para peserta pada Multaqa Ulama Sedunia hari ini menyokong pandangan Dr Mahathir mengenai pentingnya agama dan sains untuk pembangunan masa depan umat Islam.

"Orang selalu bercakap mengenai agama, ia retorik tetapi Perdana Menteri menyentuh mengenai pentingnya sains dan pandangan beliau begitu logik," kata ketua pengarang majalah "Sudanow" Alsir Hassan Fadl dari Sudan.

"Kita perlukan sains untuk menyelesaikan masalah ekonomi, politik dan sosial di kalangan masyarakat. Mesej beliau jelas dan ini memberi Dr Mahathir kelebihan berbanding pemimpin Islam lain," katanya.

Ucapan Dr Mahathir semasa merasmikan multaqa tiga hari itu, antara lain menyentuh mengenai perlunya umat Islam menguasai ilmu dan kemahiran, tajuk yang sama yang diutarakannya semasa sesi dialog selepas itu.

Duta Besar Ireland ke Malaysia Daniel Mulhall berkata beliau kagum dengan ucapan perasmian Dr Mahathir yang menekankan mengenai pentingnya agama dan sains.

"Ia adalah analisis yang menarik; beliau menekankan pentingnya agama, sekular dan pengetahuan sains... tidak ada jurang antaranya dan anda tidak boleh mengabaikan mana-mana satu daripadanya," katanya.

Pentingnya demokrasi merupakan satu lagi tajuk menarik yang dibangkitkan Perdana Menteri, kata Mulhall.

"Demokrasi bermaksud memahami rakyat daripada menentang mereka -- ia agak menarik," katanya.

Sementara itu, Presiden Pergerakan Antarabangsa Just World Dr Chandra Muzaffar berkata ucapan Dr Mahathir mengenai perlunya percaya kepada Tuhan sangat penting.

"Beliau (Dr Mahathir) menjelaskan mengapa pendekatan saintifik ada hadnya. Ia hanya menjelaskan mengenai bagaimana dan bukan mengapa. Itu adalah fakta penting," kata Dr Chandra.

"Yang penting dalam kehidupan ialah pertama ia mesti menjawab persoalan asas mengapa kita berada di sini. Jika ia dijawab maka adalah mudah bagi seseorang itu untuk meneruskan pengetahuannya," katanya.

Sementara itu, Prof Sheikh Bigani Hassan dari Universiti Sudan berkata ulama patut memainkan peranan utama dalam mengajar Islam sebenar, terutama di kalangan generasi muda Islam.

Beliau berkata ulama seperti enzim, mendorong ummah ke arah Islam.

"Ulama adalah ibarat enzim. Kita tidak mempunyai banyak enzim. Beberapa enzim boleh mencetuskan banyak reaksi tetapi kita perlu mendapat enzim yang betul dan benar," katanya.

Peserta Iran, Sayyed Hassan Rabbani berkata ulama mesti mengambil langkah aktif ke arah menyelesaikan isu-isu Islam dengan mengemukakan perancangan dan langkah-langkah praktikal.

Beliau berkata ulama perlu mengambil tanggungjawab baru yang semakin penting ini kerana banyak isu seperti keutamaan politik dalam agenda antarabangsa yang dikaitan dengan negara-negara Islam.

"Hari ini negara-negara Islam dilanda masalah seperti Afghanistan dan Iraq, rakyat menderita akibat tempoh perang yang lama," katanya menerusi seorang jurubahasa.

Penolong profesor Jabatan Fiqah dan Usul Al-Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) Dr Yunus Soualhi berkata ulama, yang merupakan orang yang paling berpengaruh di kalangan umat, mampu mengubah umat Islam.

"Orang Islam sangat lemah untuk membantu sesama sendiri dan negara Islam mudah diserang, dan kita tidak dapat lakukan apa-apa mengenainya. Kami harap ulama boleh memandu umat untuk mengembalikan kegemilangan Islam yang lepas.

Prof Dr Ala'eddin Kharofa, seorang profesor di Institut Pemikiran Islam dan Tamadun Antarabangsa (Istac), berkata kenyataan Dr Mahathir bahawa nasib umat Islam hari ini adalah akibat daripada perbuatan mereka sendiri, termasuk kegagalan mereka untuk mengamalkan ajaran sebenar Islam.

"Ini kerana jika sesiapa menggunakan Islam mengikut cara bukan Islam, ia tidak akan merosakkannya tetapi ummah keseluruhannya."

Beliau berkata umat Islam sepatutnya dapat hidup bersama-sama orang bukan Islam.

Seorang penuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Nada Ibrahim bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir bahawa umat Islam perlu menguasai pengetahuan untuk kebaikan mereka sendiri.

Pengarah sebuah universiti Islam swasta di Sri Lanka, Jamia Naleemia Islamiyya, Dr M.A.M Shukri berkata Perdana Menteri berterus-terang ketika bercakap mengenai situasi dunia Islam kontemporari.

Seorang lagi Fellow ISTAC, Muhammad Uthman El-Muhammady berkata ucapan Dr Mahathir bertumpu kepada masalah asas yang dihadapi ummah dalam dunia unipolar.

Beliau berkata gesaan Dr Mahathir supaya umat Islam menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi adalah selaras dengan ajaran Islam.

Pengetahuan dalam bidang teknologi akan membolehkan umat Islam mempertahankan diri sendiri selain menakutkan musuh-musuh Islam, katanya.

-- BERNAMA

HM AZZ LAT